

Delegasi perniagaan ASEAN hargai kepimpinan PM

UM - 7 OCT 2003

BALI 6 Okt. —“Kita tidak akan berganjak dari dewan ini selagi Dr. Mahathir tidak datang untuk berucap pada majlis kami,” itulah kata-kata alunan oleh Pengerusi Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN (BIS), Tanri Abeng.

Begitulah harapan besar para delegasi BIS untuk melihat Perdana Menteri hadir bagi menyampaikan ucapan dan menerima cenderamata sebagai menghargai kepimpinannya dalam ASEAN.

Para delegasi yang sabar menunggu di kerusi masing-masing memberikan tepukan gemuruh sebaik sahaja Dr. Mahathir melangkah masuk ke dewan.

Sebelum itu, Dr. Mahathir yang mempunyai atur cara ketat terpaksa membatalkan kehadiran pada majlis dialog yang diadakan oleh BIS atas tajuk *Globalisasi dan Cabarannya*.

Bagaimanapun atas permintaan delegasi BIS, Perdana Menteri memenuhi undangan mereka untuk menyampaikan ucapan dan menerima cenderamata kenang-kenangan.

“Cenderamata ini sebagai kenangan kami mengingati Dr. Mahathir dan untuk beliau mengingati kami,” kata Tanri.

Dalam ucapan tanpa teks kira-kira 20 minit itu, Dr. Mahathir menekankan pentingnya kerjasama antara sektor swasta dan kerajaan dengan mengambil pengalaman Malaysia yang mempunyai jalinan baik antara kedua-dua institusi itu.

“Apabila ahli perniagaan menghasilkan keuntungan, ia juga akan mendatangkan keuntungan kepada kerajaan.

“Setiap seringgat yang mereka hasilkan, 28 sen akan diperoleh kerajaan melalui cukai,” katanya.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan mestilah mengamalkan dasar mesra dengan ahli perniagaan kerana pembangunan negara dijamin yakin menerusi hasil cukai daripada mereka.

“Kakitangan kerajaan seharusnya membantu ahli perniagaan melaksanakan urusan mereka kerana mereka yang sebenarnya membayar gaji perkhidmatan awam,” kata Perdana Menteri.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir turut diberi penghormatan menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) program pemulihan Nanggroe Aceh Darussalam oleh dua syarikat Indonesia melalui kerjasama ASEAN.

Dinanti-nantikan

Kehadiran Dr. Mahathir pada sidang kemuncak ASEAN di sini bukan sahaja dinantikan oleh para wartawan asing, malah, pemimpin-pemimpin ASEAN juga meminta untuk menemui beliau.

Sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Ngurah Rai di sini, beliau terus mengadakan pertemuan dengan Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri dan diikuti kunjungan hormat oleh Perdana Menteri Myanmar, Jeneral Khin Nyunt serta Setiausaha Agung ASEAN, Ong Keng Yong.

Pada malam, Perdana Menteri menghadiri jamuan makan kerja dengan pemimpin ASEAN sebelum menyaksikan upacara menandatangani Perjanjian Pemegang Saham Syarikat Getah Antarabangsa antara Malaysia, Indonesia dan Thailand. — *Utusan*